

Bengkel Penulisan Kreatif UMS tingkat ilmu peserta

UB 27.10.2012 B6

KOTA KINABALU: Seramai 120 orang menyertai Bengkel Penulisan Kreatif Siri 2 anjuran Kelab Sastera Mahasiswa Sekolah Pengajian Seni (SPS) baru-baru ini.

Bengkel itu yang diadakan di Dewan Theatrette Ahmad Nisfu, SPS telah disampaikan oleh penggiat seni penulisan kreatif terkemuka tanah air, Awang Karim Kadir.

Dalam taklimatnya, Awang berkata sesebuah karya tidak akan mampu dihasilkan tanpa amalan budaya membaca.

"Tulisan yang tajam lahir daripada pembacaan yang dalam. Hanya dengan kecintaan yang mendalam terhadap pembacaan akan mencetuskan ilham untuk dikongsikan di atas kertas," katanya.

Bagi para peserta, bengkel itu memberi manfaat untuk berinteraksi bersemuka di samping menjalinkan hubungan komunikasi yang efektif khususnya dalam memahami teknik dan gaya penulisan.

Pelajar tahun dua Jurusan



PARA peserta bengkel ketika sesi pendaftaran.

Penulisan Sekolah Pengajian Seni, Astuti Asnawi berkata banyak petua penulisan yang diperoleh sepanjang mengikuti bengkel berkenaan.

"Jika diberi ilmu yang lebih mendalam, saya akan memilih kerjaya penulisan sebagai mata pencarian, saya rela menjadi penulis sepenuh

masa seperti Awang Karim Kadir," ujarnya.

Dengan bidang penulisan yang semakin berkembang, Nadia Etok Amri pelajar yang berasal dari Tuaran pula yakin potensinya dalam bidang penulisan adalah bersesuaian dengan cita-citanya untuk menjadi seorang novelis.

"Bengkel ini telah mengajar saya banyak perkara baru berhubung teknik dan gaya penulisan kreatif. Sayamerasa sungguh bertuah kerana penyertaan dalam bengkel ini memberi manfaat besar dalam usaha saya mengejar cita-cita," katanya.

Majlis penutupan bengkel telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Politik Ketua Menteri, Nizam Abu Bakar Titingan.

Dalam ucapannya, beliau berharap golongan penulis khususnya dalam kalangan peserta bengkel dapat bersama-sama menjaga keharmonian negara melalui penulisan yang indah ke arah faedah kesejahteraan bersama.

Hadir sama menjayakan bengkel itu, Dekan Sekolah Pengajian Seni UMS, Prof Madya Dr Ismail Ibrahim; Ketua Program Seni Kreatif, Esterlina Moo Chin Len Lazarus; Pensyarah Program Seni Kreatif, Lokman Samad; dan Penyelaras Program, Mohd Suhaimi Md Yasin.